

07 MAR 2000

Effendi-Korporat

KERAJAAN BERI KERJASAMA SEKTOR KORPORAT SERTAI PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan memberi kerjasama penuh kepada sektor korporat yang berhasrat menyertai bidang pertanian terutama dalam bidang penghasilan barangan makanan, kata Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi hari ini.

Beliau berkata antara bentuk kerjasama itu ialah daripada segi infrastruktur, sumber, penyelidikan dan pembangunan serta pelan pemasaran yang komprehensif.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan pameran "Foodpro Asia 2001" di sini beliau berkata telah tiba masanya bagi kementerian itu untuk meyakinkan sektor korporat bahawa bidang pertanian berdaya maju dan boleh mandatkan pulangan yang lumayan.

"Sehingga kini tidak banyak sektor korporat yang menyertai bidang pertanian kerana mereka beranggapan bidang itu tidak menguntungkan berbanding pembuatan dan pembinaan," katanya.

Katanya satu forum akan diadakan pada 24 April antara kementerian itu dengan para peneraju sektor korporat, dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pada majlis itu nanti mereka akan didedahkan dengan pelbagai bidang pertanian yang berdaya maju dan mampu memberi pulangan yang lumayan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan, perikanan selain bidang baru seperti bioteknologi dan herba.

Mengenai usaha kerajaan mengurangkan import makanan, beliau berkata tumpuan sedang diberikan kepada komoditi tertentu bagi meningkatkan daya saingnya di pasaran tempatan dan luar negara.

Beliau berkata petani yang mengusahakan komoditi berkenaan digalakkan menggunakan kaedah penanaman secara moden dan sistematik bagi meningkatkan hasil serta mutu keluaran.

Effendi berkata kementerian itu juga sedang berusaha memperluaskan skim tanaman berkelompok.

Katanya projek perintis di Kelantan yang melibatkan 150 petani yang menggabungkan tanah sawah mereka sehingga menjadi 600 hektar, berjaya meningkatkan hasil pengeluaran serta pendapatan pesertanya.

Beliau berharap para petani yang mempunyai keluasan tanah yang kecil sanggup melakukan perubahan minda dengan menggabungkan tanah mereka supaya dapat dikerjakan secara lebih ekonomik serta mendatangkan hasil yang lebih lumayan.

-- BERNAMA

AKT NMO